

# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## BULAN PERTAMA PKP 3.0: HANYA 17% PERMOHONAN BEROPERASI SEKTOR PEMBINAAN DILULUSKAN

*CIDB terus kawal ketat proses kelulusan ke arah menyokong objektif penurunan kes COVID-19 negara*

**KUALA LUMPUR, 2 Julai 2021:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) meluluskan hanya 17 peratus, iaitu 18,661 daripada 105,368 permohonan kebenaran beroperasi yang telah diproses melalui sistem CIMS MITI sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 bermula pada 1 Jun hingga 30 Jun 2021.

Dari 1 - 30 Jun 2021 jumlah keseluruhan permohonan yang diterima adalah **108,426**, merangkumi permohonan baharu serta permohonan rayuan. Daripada jumlah itu:

- **82,665** merupakan permohonan baharu, dan **25,761** adalah permohonan rayuan;
- **97% (105,368)** daripada semua permohonan (**80,383** permohonan baharu dan **24,985** permohonan rayuan) telah diproses;
- Dari jumlah yang telah diproses, **68,905 (86%)** daripada permohonan baharu, **tidak diluluskan**, sementara hanya **11,478 (14%)** permohonan diluluskan.
- Dari 24,985 jumlah rayuan yang telah diproses pula, **17,802 (71%)** daripada permohonan rayuan **tidak diluluskan**, sementara hanya **7,183 (29%)** sahaja yang diluluskan.

Antara sebab banyak permohonan tidak diluluskan adalah:

- Projek yang dilaksanakan tidak termasuk di dalam senarai projek pembinaan kritikal di dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) Sektor Pembinaan PKP 3.0 yang telah diwartakan.
- Projek pembinaan tidak diisytiharkan kepada CIDB di CIMS CIDB
- Nama projek pembinaan yang terlibat tidak dinyatakan di dalam CIMS MITI, di dalam ruangan **Produk/Aktiviti Perniagaan / Product/Business Activity**.

- Ralat ketika membuat permohonan dengan tidak menyatakan alamat tapak pembinaan.
- Kekeliruan semasa mengisi permohonan CIMS MITI.
- Kontraktor masih dibawah tindakan tatatertib dibawah Akta 520.

CIDB juga mendapati terdapat segelintir kontraktor yang menjalankan kerja pembinaan tanpa berdaftar dengan pihak CIDB.

## **PERINGATAN**

CIDB menggesa penggiat industri pembinaan dari semua peringkat untuk mematuhi semua syarat-syarat permohonan kebenaran beroperasi. Tapak pembinaan yang didapati beroperasi tanpa kebenaran yang sah akan diarahkan tutup dan tindakan tegas akan diambil. Mana-mana kontraktor yang melanggar peruntukan Akta 520 dan/atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990). Ini termasuk mengenakan tindakan tatatertib kontraktor yang jika sabit kesalahan, penalti tidak melebihi RM500,000.00 boleh dikenakan dan/atau Perakuan Pendaftaran Kontraktor boleh digantung atau dibatalkan dan/atau mana-mana arahan lain yang wajar boleh dikenakan oleh ICDB.


**Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP 3.0** terkini yang boleh dimuat turun dari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my). Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi CIDB Careline di talian **03-5567 3300**.

**####**

# LAPORAN PERMOHONAN KELULUSAN CIMS MITI


1 JUN 2021 - 30 JUN 2021 (PKP 3.0)

Jumlah Permohonan Diproses  
(Baru dan Rayuan):  
**105,368**



- Hanya 17% permohonan beroperasi diluluskan
- Proses kelulusan ketat bagi memastikan projek-projek pembinaan kritikal sahaja yang menerima kebenaran beroperasi

Jumlah Permohonan Baru:  
**80,383**



Jumlah Permohonan Rayuan:  
**24,985**

